

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Bahagian Amalan Perubatan
Aras 7, Blok E1
Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-88831039 (Pejabat Pengarah)
03-88831219 (CML),
03-88831364 (CPP),
03-88831307 (CKAPS),
03-88831390 (MOC),
03-88831370 (CPLPP)
Faks: 03-88831040
Portal: medicalprac.moh.gov.my

Ruj. Tuan

Ruj. Kami : KKM.100-2/1/1 JLD 9 (20)

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN: KEPERLUAN PERAKUAN AMALAN KEPADA PENGAMAL BERDAFTAR PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU AWAM DAN SWASTA DI BAWAH AKTA PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2016 [AKTA 774]

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan, Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2022 (seperti di **Lampiran**). Surat ini bertujuan memaklumkan seseorang pengamal berdaftar profesion kesihatan bersekutu (seperti di Jadual Kedua) yang berhasrat untuk menjalankan amalan dalam mana-mana profesion kesihatan bersekutu sama ada di sektor awam atau swasta dikehendaki memiliki perakuan pendaftaran dan perakuan amalan yang sah, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17 dan 22, Akta 774.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk membuat hebahan/ pemakluman lanjut kepada semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar dengan persatuan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan bagi tujuan perakuan amalan kepada pengamal berdaftar profesion kesihatan bersekutu (jika berkaitan) adalah amat dihargai dan dialu – alukan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

b/p

(DR. HIRMAN BIN ISMAIL)

No. MMC: 41909, NSR: 138626

Pengarah

Bahagian Amalan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

DAJ/QAI/SuratPemaklumanStakeholders/2025

DR. FIEDRAINI DINI HAJI BIBIT
MMC : 35493
(Pejabat Pengarah (UD 54)
Cawangan Perundangan Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

..2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01597

s.k.

Pengarah Bahagian
Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)

Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM)

Pertubuhan Doktor – Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Persekutuan Persatuan Perubatan Malaysia (FPMPAM)

Persatuan Doktor Pergigian Malaysia (MDA)



Ruj. Kami : KKM.600-1/1/1Jld.19 (51)
Tarikh : 22 Julai 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN


YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

KEPERLUAN PERAKUAN AMALAN KEPADA PENGAMAL BERDAFTAR PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU AWAM DAN SWASTA DI BAWAH AKTA PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2016 [AKTA 774]


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) 2022 di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2022. Pindaan Jadual Kedua 2022 ini menyenaraikan sebanyak 16 Profesion Kesihatan Bersekutu yang akan dikawal selia di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] (Lampiran I).


3. Seseorang pengamal yang berdaftar dan berhasrat untuk menjalankan amalan dalam mana-mana profesion kesihatan bersekutu samada di sektor awam atau swasta dikehendaki memiliki perakuan pendaftaran dan perakuan amalan (*practising certificate*) yang sah, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17 dan 22, Akta 774. Tempoh sah perakuan amalan ini adalah dua (2) tahun. Bayaran yang dikenakan bagi permohonan pendaftaran dan perakuan amalan adalah seperti berikut:



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897

Bil	Fi	Jumlah Fi (RM)
1.	Permohonan Pendaftaran	RM 50
2.	Permohonan Perakuan Pendaftaran	RM 100
3.	Permohonan Perakuan Amalan (Pertama Sekali Sahaja)	RM 50
4.	Pengeluaran Perakuan Amalan	RM 200

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan perkara ini kepada semua pemegang lesen atau penyelia (sektor awam dan swasta) di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan agar membuat permohonan pendaftaran dan perakuan amalan untuk Profesion Kesihatan Bersekutu sebelum tempoh peralihan berakhir bagi membolehkan mereka menjalankan amalan secara sah.

5. Untuk makluman, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) telah melanjutkan tempoh peralihan bagi pendaftaran pengamal profesion kesihatan bersekutu sehingga 31 Disember 2026. Pelanjutan ini bertujuan memastikan semua pengamal mendaftar dan memperoleh perakuan amalan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 774.

6. Permohonan perakuan amalan dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Malaysian Healthcare Practitioners System* (MHPS) melalui pautan <https://mhps.moh.gov.my/>. Panduan permohonan perakuan amalan boleh diakses melalui <https://hq.moh.gov.my/alliedhealth/index.php/ms/site-mahpc/info-mahpc>.

Ruj.Kami : KKM.600-1/1/1 Jld. 19(51)

7. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi Puan Jamilah binti Abdul Kuthoos, Penolong Pengarah Kanan melalui e-mel: mahpcdaftar@moh.gov.my atau melalui telefon: 03-889 01011, samb:165.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(L. MAGESWARY A/P LAPCHMANAN) (MAHPC(DTN)00002)

Pendaftar

Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
(u.p: Timbalan Pengarah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS))

2. Pengarah
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

JADUAL KEDUA

[Seksyen 9 dan 10]

SENARAI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

1. Ahli Audiologi (Audiologist)
2. Ahli Dietetik (Dietitian)
3. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam) – Entomologist (Public Health)
4. Ahli Fisioterapi (Physiotherapist)
5. Ahli Fizik Perubatan (Medical Physicist)
6. Ahli Pemakanan (Nutritionist)
7. Ahli Psikologi Klinikal (Clinical Psychologist)
8. Ahli Terapi Cara Kerja (Occupational Therapist)
9. Ahli Terapi Pertuturan Bahasa (Speech-Language Therapist)
10. Ahli Terapi Radiasi (Radiation Therapist)
11. Ahli Radiografi Diagnostik (Diagnostic Radiographer)
12. Juruteknologi Makmal Perubatan (Medical Laboratory Technologist)
13. Juruteknologi Pergigian (Dental Technologist)
14. Pegawai Kesihatan Persekitaran (Environmental Health Officer)
15. Pegawai Pendidikan Kesihatan (Health Education Officer)
16. Ahli Sains Makmal Perubatan